



**TEKS UCAPAN PERASMIAN OLEH
PUAN FENNY WONG NYUK NYIN
KETUA PENOLONG PENGARAH KANAN
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SELANGOR**

**PROGRAM PENANAMAN 1 RAS 1 POKOK BERSAMA
RAKAN ALAM SEKITAR (RAS) SEMPENA SAMBUTAN
HARI ALAM SEKITAR NEGARA (HASN) PERINGKAT
NEGERI SELANGOR 2023**

**TEMPAT
PAYA INDAH WETLANDS, DENGKIL**

TARIKH : 21 OKTOBER 2023 (SABTU)

JAM: 8.00 PAGI

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis,
Yang Dihormati En. Shunji Yoshikai
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif,
Canon Marketing Malaysia

Yang dihormati En. Tan Kee Leong
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
Canon MailCom Malaysia

Yang dihormati En. Tan Tuan Shee
Pengarah Urusan
Canon Medical Systems Malaysia

Yang Berbahagia Dato' Dania Abdul Wahab
Duta Rakan Alam Sekitar UiTM Student Chapter

Yang Berusaha Encik Cosmas John
Penolong Pengarah
Paya Indah Wetlands, Jabatan PERHILITAN

Yang Berusaha Ts. Nur Ain Mohd Zainuddin
Penasihat Rakan Alam Sekitar (RAS) UiTM Student Chapter, UiTM
Shah Alam

Pegawai-pegawai Jabatan

Ahli Rakan Alam Sekitar (RAS) UiTM Student Chapter

dan tuan-puan yang saya hormati sekalian.

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan Selamat Pagi

1. Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Alam Sekitar Negara atau singkatannya sebagai HASN yang akan disambut pada 21 Oktober pada setiap tahun dan hari ini 21 Oktober merupakan Hari Alam Sekitar Negara. Sedang berlangsung pada pagi ini juga Sambutan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Kebangsaan di Hutan Bandar MBIP, Mutiara Rini, Skudai, Johor.

2. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat pada hari ini khususnya kepada pihak Canon sebagai penganjur utama program ini dan JAS penganjur bersama. Juga kepada RAS UiTM Student Chapter yang bertungkus lumus membuat persiapan. Tidak lupa juga kepada Pegawai-pegawai Perhilitan yang membenarkan dan menyediakan tempat ini sebagai tapak penanaman pokok kita pada hari ini.

Tuan/Puan yang saya hormati sekalian.

3. Untuk makluman semua, Hari Alam Sekitar Negara (HASN) pada setiap tahun disambut pada 21 Oktober. Setiap tahun bermula Oktober sehingga November, Jabatan Alam Sekitar seluruh Malaysia akan menjalankan program kesedaran alam sekitar sempena Sambutan HASN dengan turut bekerjasama dengan pelbagai pihak seperti agensi-agensi kerajaan negeri, Industri, Institusi Pengajian Tinggi dan ramai lagi. Sambutan di Negeri Selangor ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran serta melibatkan penyertaan semua lapisan masyarakat dalam usaha ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

4. Seperti mana sebelumnya, Hari Alam Sekitar Negara pada tahun ini masih mengekalkan tema “Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”. Tema ini membawa maksud yang sangat signifikan iaitu setiap daripada kita memikul tanggungjawab untuk memelihara alam sekitar dengan sebaik mungkin. Tanggungjawab ini tidak hanya digalas

oleh pihak Kerajaan semata-mata, malah masyarakat kita juga perlu berubah ke arah kehidupan yang membudayakan kebersihan dan penjagaan alam sekitar.

5. Untuk makluman hadirin hadirat sekalian, sambutan Hari Alam Sekitar Negara disambut di seluruh negara akan memfokuskan kepada tiga (3) aktiviti utama iaitu, pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (e-waste), hindari plastik sekali guna dan kempen penghijauan bumi melalui penanaman pokok melalui 1 Rakan Alam Sekitar 1 Pokok.

6. Pada pagi ini, kita dapat melaksanakan salah satu *signature event* dalam sambutan HASN iaitu penanaman Pokok. Untuk makluman semua hadirin, ini merupakan program kedua penanaman pokok diadakan sempena HASN 2023 yang mana kita sasarkan 500 pokok ditanam hari ini. Pada minggu lepas, JAS, RAS UiTM Student Chapter dan beberapa Rakan Strategik Alam Sekitar telah berjaya menanam sebanyak 1000 pokok bakau di Tebuk Mendeling, Sabak Bernam.

7. Saya bagi pihak Jabatan Alam Sekitar sangat berterima kasih kepada semua Rakan Strategik Alam Sekitar yang tidak jemu sentiasa bekerjasama dengan JAS dalam program-program kesedaran dan saya sangat mengalu-alukan kerjasama sebegini.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

8. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, di sini ingin saya merakamkan sekali lagi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua yang hadir kerana telah turut serta menjayakan salah satu program sambutan Hari Alam Sekitar Peringkat Negeri Selangor.

9. Harapan saya agar program ini tidak terhenti di sini dan boleh dibuat secara berkala. Juga saya mengharapkan penglibatan yang aktif daripada Rakan Strategik Alam Sekitar dalam kalangan industri/ swasta dan ahli-ahli RAS seluruh negeri Selangor dalam aktiviti yang melibatkan pemuliharaan dan pemeliharaan alam sekitar.

“Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama”

Sekian, Terima Kasih.